

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
PENETAPAN KADAR UPAH AMIL ZAKAT FITRAH DI NEGERI SELANGOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Di dalam melaksanakan tugas pungutan zakat di Negeri Selangor Darul Ehsan, Pusat Zakat Selangor telah diberi tanggungjawab untuk memungut zakat harta dan berkuatkuasa pada 01 Ogos 1997, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memberi kuasa kepada Pusat Zakat Selangor untuk memungut Zakat Fitrah pula.

Isu berhubung kajian semula ke atas kadar upah amil zakat fitrah yang dilantik telah ditimbulkan di dalam mesyuarat MAIS ke 7 pada 25 November 1997 dan dibincangkan juga dalam mesyuarat Pegawai Tadbir Agama Kanan JAIS pada 27 November 1997. Hasil daripada mesyuarat memutuskan supaya perkara ini dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor untuk mendapatkan pandangan dan keputusan mengenai kadar upah amil zakat fitrah tersebut.

2. LATAR BELAKANG

Setelah sekian lama, urusan pungutan zakat fitrah dijalankan oleh amil-amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Berdasarkan prosedur yang biasa diamalkan secara tradisinya, amil-amil yang telah dilantik akan mengambil terus bahagian 1/8 daripada jumlah yang dikutip sebagai amil dan bakinya akan diserahkan kepada Bahagian Baitulmal/Zakat.

Namun begitu, tidak ada sebarang kajian yang mendalam pernah dibuat berkenaan pembahagian 1/8 yang di ambil terus oleh amil-amil tersebut. Jika diteliti definisi dan fungsi sebenar seorang amil untuk melayakkannya mendapat kadar upah amil (1/8), ternyata amalan yang telah biasa dijalankan sebelum ini perlu dikaji semula memandangkan amil-amil tersebut hanya menjalankan sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dipikul oleh seorang amil.

3. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Dalam mesyuarat MAIS yang bersidang pada 25 November 1997, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Selangor, SS Tuan Haji Jama'uddin bin Omar telah mengemukakan pandangan bahawa kadar upah yang layak diterima oleh amil yang dilantik khusus untuk memungut zakat fitrah sahaja adalah sebanyak 1/6 dan bukannya 1/8 memandangkan tugas-tugas amil tersebut hanya sekadar pungutan sahaja sedangkan tugas amil yang sebenarnya adalah sangat luas.
- 3.2 Tugas-tugas amil yang dipetik dari kitab *Sabilul Muhtadin* juzu' 2 (mukasurat 16) menerangkan bahawa terdapat 9 tugas yang dipertanggungjawabkan kepada seorang amil seperti pemungut (*Saie*), penulis atau pencatat (*Katib*), Pengagihan (*Qasim*), Penerangan (*Hashir*), Mengenalpasti penerima zakat (*Arif*), Mengira kutipan (*Hasib*), Memelihara Harta Zakat (*Hafiz*), Mengawal (*Jundiyyun*), dan Mengambil tindakan kepada yang engkar (*Jabi*).
- 3.3 Selama ini, segala perbelanjaan berhubung dengan zakat fitrah termasuk cetakan kupon fitrah, beg amil, kad tauliah dan segala yang berkaitan dibiayai oleh Baitulmal/Zakat dan Pusat Zakat Selangor (bagi tahun 1418H) dengan menggunakan peruntukan asnaf amil yang lain.

4. CADANGAN

Berdasarkan kepada fakta tersebut, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengemukakan beberapa cadangan dan memohon agar Jawatankuasa mempertimbangkan dan meluluskan cadangan berikut :

- 4.1 Kadar upah amil zakat fitrah yang dilantik adalah mengikut kadar 1/6 bahagian daripada jumlah kutipan zakat fitrah oleh setiap amil.
- 4.2 Pusat Zakat Selangor juga mencadangkan supaya kadar upah baru ini dikuatkuasakan bermula Ramadhan 1419H.
- 4.3 Pusat Zakat Selangor telah diberi mandat sepenuhnya untuk menguruskan zakat di Negeri Selangor meliputi pungutan dan agihan.

Oleh itu, upah amil $\frac{1}{8}$ tersebut seharusnya dikongsi bersama dengan Pusat Zakat Selangor dengan pembahagian $\frac{1}{16}$ setiap pihak. Namun begitu, atas maslahat yang lebih utama maka kadar $\frac{1}{8}$ dikekalkan untuk amil-amil fitrah yang dilantik bagi Ramadhan 1418H

5. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan teliti mengikut hukum yang mu'tabar dalam Islam dan memutuskan bahawa cadangan penetapan upah Amil Zakat Fitrah di Negeri Selangor dari $\frac{1}{8}$ kepada $\frac{1}{6}$ adalah persoalan teknikal. Sehubungan dengan itu, Pusat Zakat Selangor bolehlah berbincang dengan Pusat Agihan Zakat bagi menentukan kadar upah tersebut.